

SIARAN MEDIA

**MyCC CADANG KENAKAN PENALTI KEWANGAN TERHADAP  
81 PERUSAHAAN AKIBAT KARTEL PENETAPAN HARGA**

**KUALA LUMPUR, 30 SEPTEMBER** - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), telah mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap 81 perusahaan kerana terlibat dengan perjanjian penetapan harga bagi penyediaan perkhidmatan perjalanan umrah di Malaysia bermula pada 2023. Perlakuan kartel mereka boleh dianggap sebagai pelanggaran di bawah seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

Melalui penyiasatan pada peringkat Keputusan Cadangan ini, MyCC mendapati bahawa kesemua perusahaan ini yang merupakan ahli persatuan yang berdaftar di Malaysia, telah bersetuju untuk menetapkan harga lantai bagi kedua-dua perkhidmatan pakej umrah ekonomi dan premium dalam beberapa mesyuarat mereka pada awal 2023. MyCC juga mendapati bahawa persatuan terbabit membuat pengumuman kepada pihak media untuk memaklumkan kepada orang awam tentang harga lantai yang telah dipersetujui oleh mereka. Kesemua nama 81 perusahaan yang terlibat adalah seperti di **Lampiran I**.

Penting untuk ditekankan bahawa Keputusan Cadangan yang dikeluarkan oleh MyCC adalah dapatan awal. Maka, tidak boleh diandaikan bahawa mana-mana perusahaan yang dinyatakan di atas telah melanggar Akta 712 pada peringkat ini.

Seperti yang diperuntukkan dalam Akta, kesemua perusahaan yang dinamakan dalam Keputusan Cadangan ini telah dimaklumkan mengenai penalti kewangan yang dicadangkan oleh MyCC. Perusahaan-perusahaan ini diberi peluang untuk mengemukakan representasi bertulis kepada MyCC dalam tempoh 30 hari selepas menerima Keputusan Cadangan. Selepas itu, perusahaan-perusahaan yang sama juga diberi peluang untuk membentangkan representasi lisan masing-masing kepada Suruhanjaya pada tarikh yang akan ditetapkan kelak. MyCC hanya akan mengeluarkan

**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA / EKONOMI**

Keputusan Akhir selepas mempertimbangkan representasi oleh perusahaan-perusahaan ini bersama bukti yang diperolehi semasa proses penyiasatan.

Dato' Seri Mohd Hishamudin Yunus  
Pengerusi  
Suruhanjaya Persaingan Malaysia

-tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA / EKONOMI

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Polisi dan Komunikasi

Telefon Bimbit: +6019 269 6037

Emel: [pcd@mycc.gov.my](mailto:pcd@mycc.gov.my)

### **Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (Akta 712), yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan

Akta 712 ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi, dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-13 pada 1 April 2024 dan sehingga kini, MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap hampir 100 syarikat berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang telah dengan jumlah keseluruhan penalti kewangan yang telah dikenakan melebihi RM570 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian, serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutan ekonomi digital.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

## Lampiran I

### **Kesemua 81 perusahaan yang terlibat adalah seperti berikut:**

1. Abeel Travel & Services Sdn. Bhd.
2. Abu Rizki Travel & Tours Sdn. Bhd.
3. Afiq Travel & Tours Sdn. Bhd.
4. Ajua Travel & Tours Sdn. Bhd.
5. Al Ansar Travel & Tours (M) Sdn Bhd
6. Al Fawwaz Travel & Services Sdn. Bhd.
7. Al Haramain Global Tours & Services Sdn. Bhd.
8. Al Haramain Travel & Tours Sdn. Bhd.
9. Al Mikayla Travel & Tours Sdn. Bhd.
10. Al Murtajiz Travel Sdn. Bhd.
11. Al Ridzuan Travel & Tours Sdn. Bhd.
12. Al-Ilmi Travel & Tours Sdn. Bhd.
13. Alrohmah Tours & Services Sdn. Bhd.
14. Aqua Travel & Tours Sdn. Bhd.
15. Ar Rayyan Travel & Tours Sdn. Bhd.
16. Arrayan Travel Services Sdn. Bhd.
17. Aseana Pro Travels Sdn Bhd.
18. As-Siraj Haj Umrah Travel & Tours Sdn. Bhd.
19. Atocha Travel Sdn. Bhd.
20. Baheej Travel & Tours Sdn. Bhd.
21. Barakah Umhaj Travel & Tours Sdn. Bhd.
22. Berkat Buah Travel & Tours Sdn. Bhd.
23. BK Travel Sdn. Bhd.
24. BT Tune Holidays & Services Sdn. Bhd.
25. Dahlia Travel & Tours Sdn. Bhd.
26. Dar Premium Travel Sdn. Bhd.
27. De Teroke Travel & Tours Sdn. Bhd.
28. Dhiya Az Zahra Travel & Tours Sdn. Bhd.
29. Embun Ritz Travel Network Sdn. Bhd.
30. Family International Travel & Tours Sdn. Bhd.
31. GISB Travel & Tours Sdn. Bhd.

**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA / EKONOMI**

32. Halaqah Mukhlisin Travel & Tours Sdn. Bhd.
33. Hayy Al Musafir Travel & Tours Sdn. Bhd.
34. Hexa Travel Sdn. Bhd.
35. I.T.T Travel & Tours Sdn. Bhd.
36. Iltizam Travel & Tours Sdn. Bhd.
37. In Saff Travel & Tours Sdn. Bhd.
38. Khalifa Hajj Umrah Tours Sdn. Bhd.
39. Kopetro Travel & Tours Sdn. Bhd.
40. Kosas Travel & Tours Sdn. Bhd.
41. Kurma Getaways Travel Management Sdn. Bhd.
42. Lavender Holidays & Management Sdn. Bhd.
43. M Travel & Tours Sdn Bhd
44. Madinah Travel & Tours Sdn. Bhd.
45. MKM Ticketing Travel & Tours Sdn. Bhd.
46. Moghul Travel & Tours Sdn. Bhd.
47. Mursyid Alharamain Travel & Tours Sdn. Bhd.
48. Muslimin Travel & Tours (M) Sdn. Bhd.
49. Nafadz Travel & Tours Sdn. Bhd.
50. Nawwarah Travel & Tours Sdn. Bhd.
51. Obi Travel & Holidays Sdn. Bhd.
52. Pasadana Travel & Tours Sdn. Bhd.
53. Persada Global Holidays Sdn. Bhd.
54. Qalam Travel Sdn. Bhd.
55. Qaliff Travel Sdn. Bhd.
56. Quntum Travel & Tours Sdn. Bhd.
57. Rarecation Travel Sdn. Bhd.
58. Rasniaga Travel Sdn. Bhd.
59. Raudhah Jaya Travel & Tours Sdn. Bhd.
60. RRAB Travel & Tours Sdn. Bhd.
61. RS Megatravel Sdn. Bhd.
62. Salju Travel Sdn. Bhd.
63. Sama Travel & Tours Sdn. Bhd.
64. Shahid Travel & Tours Sdn. Bhd.
65. Smart IQ Travel Agency Sdn. Bhd.

**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA / EKONOMI**

66. Sri Wangsa Travel & Tours Sdn. Bhd.
67. Tawaf Travel Group Sdn. Bhd.
68. TMK Travel & Tours Sdn. Bhd.
69. Toybah Travel & Tours Sdn. Bhd.
70. Tripfair Travel Sdn. Bhd.
71. Tripfez Travel & Tours Sdn. Bhd.
72. UAR Travel & Tours Sdn. Bhd.
73. Ummrem Tours & Services Sdn. Bhd.
74. UMH Travel & Services Sdn. Bhd.
75. Widad Tours & Travels Sdn. Bhd.
76. Yahabibi Travel Sdn. Bhd.
77. Ya Salam Travel & Tours Sdn. Bhd.
78. YHA Travel & Tours (M) Sdn. Bhd.
79. Zaharah Travel & Tours Sdn. Bhd.
80. Zayyan Travel & Tours Sdn. Bhd.
81. ZST Travel & Tour (Sarawak) Sdn. Bhd.